


NOVEMBER 1 - 15, 2020

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Belanjawan Pulau Pinang 2021

## memperkasa modal insan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**




**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang membentangkan Belanjawan 2021 yang memberi penekanan kepada usaha memperkasa peranan dan bakat modal insan melalui peruntukan berjumlah RM99.64 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa daripada jumlah itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM9 juta bagi tujuan bayaran elaun ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di negeri ini.

"Peruntukan ini meningkat sebanyak RM4.9 juta berbanding RM4.1 juta pada tahun lepas.

"Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri terus menghargai dan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli MPKK di peringkat akar umbi negeri ini," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2021 pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 dekat sini pada 12 Oktober lalu.

Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan program Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) pada tahun 2021 melalui peruntukan berjumlah RM1.35 juta bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan golongan wanita di Pulau Pinang.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan pelaksanaan Program Mamogram Percuma untuk golongan wanita Pulau Pinang *(Mammo-Penang)* menerusi kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPKKN) pada 2021 dengan kos RM886,000.

"Malah, sebanyak RM1 juta turut diperuntukan kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) untuk membangunkan lebih ramai bakat dalam kalangan belia khususnya bidang digital yang berupaya memacu Pulau Pinang sebagai hab inovasi digital," jelasnya.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri komited memperkasakan pelaksanaan agenda pembangunan wanita, keluarga dan keterangkuman gender dengan memperuntukkan kos sebanyak RM1.5 juta kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"Bagi memastikan program keterangkuman gender dapat diakses oleh semua, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000 bagi pelaksanaan program-program berkaitan pada tahun 2021.

"Malah, sebanyak RM300,000 juga diperuntukan bagi membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan hal ehwal agama selain Islam pada tahun depan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Kon Yeow dalam pada itu menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap usaha memartabatkan agama Islam di Pulau Pinang dengan meningkatkan jumlah peruntukan kepada RM64.16 juta pada tahun 2021 bagi tujuan pembangunan, baik pulih, penyelenggaraan serta kelengkapan institusi keagamaan di Pulau Pinang.

"Bagi tahun 2021 juga, beberapa masjid akan dibina baharu atau dinaik taraf, antaranya adalah Masjid Habib Almas dekat Tanjong Tokong, Masjid Sungai Nibong Besar, Masjid Permatang Bogak Kepala Batas, Masjid Bandar Tasek Mutiara Simpang Ampat serta Masjid Taman Pelangi, Juru.

*(Sambungan di muka 2).*

## Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14

*(Sambungan dari muka 1).*

# Fokus empat strategi utama



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan salinan dokumen Belanjawan 2021 sejurus pembentangannya pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Pulau Pinang Ke-14 di sini 12 Oktober lalu.**

"Peruntukan ini juga termasuk pembangunan prasarana pendidikan agama Islam di negeri ini di samping meneruskan bantuan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR)," ujarnya.

Dalam usaha menyediakan pelajar yang mampu berdaya saing di peringkat global, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM3.24 juta bagi program Makmal Pencipta *(MakersLab)*.

"Pelaksanaan program *MakersLab* di sekolah-sekolah di negeri ini adalah bertujuan memupuk minat pelajar dalam bidang sains dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Bagi memperkukuhkan lagi pembangunan modal insan melalui pendidikan, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sejumlah RM14 juta kepada SAR, Sekolah Mubaligh, Sekolah Cina, Sekolah Persendirian dan Sekolah Tamil.

"Selain itu, bayaran bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu RM1,000 untuk pelajar mendapat tawaran ke IPT di Semenanjung Malaysia dan RM1,200 (Sabah dan Sarawak) serta RM300 untuk politeknik diteruskan melalui peruntukan RM4 juta," ulasnya.

Seramai 4,009 penjawat awam di Pulau Pinang juga akan menerima bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000. Bantuan khas kewangan itu akan dibayar pada bulan Disember tahun ini (2020).

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM898,900 untuk penyelia dan guru KAFA, guru sekolah agama, kakitangan dan guru sekolah persendirian Cina, guru tahfiz, guru pondok dan guru TADIS. Bantuan itu akan dibayar pada bulan Disember tahun ini (2020).



**KETUA Menteri bersama-sama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee (berdiri, tengah) memerhatikan piala Liga Premier yang dimenangi pasukan *Penang Football Club* (Penang FC) baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan membelanjakan sebanyak RM909.82 juta untuk perbelanjaan mengurus manakala RM294,106,207 bagi projek pembangunan pada tahun 2021.

Tambah beliau, dengan perbelanjaan itu, anggaran hasil yang akan diperoleh adalah berjumlah RM506.02 juta dengan defisit sebanyak RM403.80 juta.

"Defisit ini adalah lebih tinggi berbanding dengan unjuran defisit tahun 2020 berjumlah RM273.5 juta.

"Unjuran defisit RM403.80 juta ini akan dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM1.07 bilion pada akhir tahun 2018," katanya.

Difahamkan, Belanjawan 2021 Pulau Pinang adalah bertemakan 'Transformasi Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi ke Arah Dimensi Baharu Terbilang'.

Ia merangkumi empat strategi iaitu Menggalakkan Pelaburan dan Meningkatkan Produktiviti Pemacu Pertumbuhan Ekonomi; Membangunkan Infrastruktur dan Komunikasi Digital ke Arah Ketahanan Mampan; Memperkukuh dan Mensejahtera Kualiti Hidup Rakyat serta Memperkasa Peranan dan Bakat Modal Insan.

Belanjawan 2021 Pulau Pinang antara lain merangkumi:-

(i) Pembangunan sukan dan kawasan lapang (RM15.45 juta);

(ii) Meneruskan program iSejahtera (RM50 juta);

(iii) Projek Rancangan Tebatan Banjir Berimpak Tinggi (RM96.13 juta);

(iv) Projek pembinaan dan menaik taraf jalan raya serta jambatan (RM31.98 juta);

(v) Bas percuma CAT (RM15 juta);

(vi) Penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf perumahan awam kos rendah (RM12 juta);

(vii) Memastikan kelestarian bekalan air (RM10.5 juta);

(viii) Meneruskan kelestarian pertanian (RM5.65 juta);

(ix) Memacu pertumbuhan industri penternakan (RM3.52 juta);

(x) Penganjuran program Perayaan Warisan George Town dan *George Town Festival* oleh *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) (RM2 juta);

(xi) Pembangunan Bukit Bendera (RM14.11 juta);

(xii) Projek Parit Monsun dari Sungai Puyu ke Jalan Siram (RM5 juta);

(xiii) Projek Menaik Taraf Kompleks Penjaja Mak Mandin (RM1.4 juta);

(xiv) Pembangunan Robina Eco Park Fasa 2 (RM2 juta);

(xv) *Digital Coach Scheme dan Digital Promoter Scheme* (RM1.19 juta);

(xvi) Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) (RM6.8 juta);

(xvii) Program Mutiara Foodbank (RM300,000);

(xviii) Mengupaya keberhasilan pertanian (RM250,000).



**EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin bersama-sama usul penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 yang diterima secara majoriti setelah dibaca kali ketiga dan dipersetujui tanpa pindaan.**



**EXCO Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin menunjukkan salinan Rang Undang-Undang (RUU) Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 sejurus bacaannya dan dipersetujui tanpa pindaan.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Pulau Pinang sumbang RM94.7 bilion daripada KDNK negara

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan prestasi cemerlang apabila berupaya menyumbang sebanyak RM94.7 bilion atau 6.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata pencapaian tersebut meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri keempat tertinggi yang menyumbang kepada KDNK negara.

"Mengambil kira pencapaian ini, adalah wajar bagi Kerajaan Persekutuan untuk menilai semula pemberian peruntukan tahunan agar lebih setimpal dengan sumbangan yang diberikan oleh Negeri Pulau Pinang.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri ingin memohon sekurang-kurangnya RM1 bilion dapat disalurkan setiap tahun kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan atas prestasi cemerlang ini.

"Pemberian ini semestinya akan membantu Kerajaan Negeri dalam mengurangkan defisit belanjawan negeri," katanya pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini 19 Oktober lalu.

Tambah Kon Yeow, sehingga September 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM241.56 juta.

"Saban tahun, Kerajaan Negeri menerima beberapa pemberian daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Pemberian Mengikut Bilangan Kepala, Pemberian Pelancongan, Pemberian Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) serta lain-lain.

"Kerajaan Negeri menghargai dan berterima kasih atas pemberian ini, namun ia tidak setimpal jika dibandingkan dengan sumbangan negeri Pulau Pinang kepada nilai KDNK negara (94.7 bilion)," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga menerima peruntukan berjumlah RM15,197,400 daripada Kerajaan Persekutuan bagi menangani pandamik COVID-19 di negeri ini.

"Daripada jumlah ini, RM10 juta digunakan untuk membiayai bantuan kepada penjaja dan peniaga kecil serta bantuan pembekalan seperti pelitup muka serta pensanitasi tangan kepada rakyat terjejas.

"Sejumlah RM5 juta digunakan untuk pelaksanaan projek berskala kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 manakala RM197,400 lagi bagi membiayai bayaran bantuan kepada penarik beca di negeri ini," ulasnya.

PENANG LAWAN COVID-19

## COVID-19, pendekatan Kerajaan Negeri dipuji

**GEORGE TOWN –** Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang memuji tindakan Kerajaan Negeri dalam mengendalikan serta membuat 'percaturan' ketika rakyat terbanyak berhadapan dengan beban hidup dek penularan pandemik COVID-19 kini.

Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua berkata, tindakan mengutamakan rakyat menerusi peruntukan besar sejumlah RM155.5 juta dilihat sebagai sesuatu yang tepat dengan keperluan semasa.

"Tahniah dan terima kasih kepada pentadbiran Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar bagi membantu rakyat terbanyak dalam menghadapi kesukaran, tekanan hidup, kehilangan pekerjaan serta senario perniagaan yang terpaksa ditutup ketika tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)… dan ini termasuk peruntukan oleh Kerajaan Pusat.

"Wabak (COVID-19) ini telah menyatupadukan kita sama ada masyarakat dan juga pemimpin di semua peringkat untuk menjadi lebih kuat dengan bergerak sebagai satu pasukan.

"Ketika ini, penting bagi semua pihak untuk memerangi wabak COVID-19 demi menghentikan penularan jangkitan tanpa mengira kita di pihak yang mana (kerajaan ataupun pembangkang)," ujarnya sambil merakamkan ucapan terima kasih atas usaha semua jabatan barisan hadapan dalam mengembleng penularan COVID-19 di negeri ini pada sesi perbahasan Bajet 2021 Negeri Pulau Pinang baru-baru ini

Dalam pada itu, Muhamad Yusoff menzahirkan sedikit nafas lega ekoran keadaan penularan COVID-19 di negeri ini yang masih terkawal meskipun negara kini berhadapan gelombang ketiga.

"Kita (kepimpinan) di semua peringkat perlu melihat kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat sebagai keutamaan, paling penting apa juga yang dibuat, rakyat perlu mendapat hasilnya, dan ketika ini apa yang lebih utama adalah kita sama-sama berganding bahu memerangi penularan COVID-19 berbanding pentingkan politik kepartian," serunya.

PENANG LAWAN COVID-19

## Peruntukan ADUN pembangkang bantu rakyat hadapi COVID-19 dipotong tidak benar

**GEORGE TOWN -** Kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang daripada blok pembangkang masing-masing turut mendapat peruntukan khas sebanyak RM30,000 sebagaimana wakil rakyat blok kerajaan untuk tujuan membantu rakyat yang terjejas ketika mengharungi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian sebagai menjawab soalan Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Mohamad Yusoff Mohd. Noor yang juga ADUN Sungai Dua sebelum ini.

Penjelasan itu sekaligus menjawab pertikaian ADUN Seberang Jaya yang mengaku bahawa peruntukannya turut disekat selepas melepaskan jawatan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, hatta menyukarkan beliau membantu rakyat setempat mendepani pandemik COVID-19.

"Dakwaan segelintir Yang Berhormat Pembangkang bahawa peruntukan Kerajaan Negeri tidak disediakan untuk mereka memberi perkhidmatan kepada rakyat adalah tidak benar," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini 19 Oktober lalu.

Menurut beliau, peruntukan berjumlah RM1.2 juta telah disediakan dan diagihkan secara saksama kepada semua 40 ADUN Pulau Pinang tanpa mengira parti politik.

"Ini, menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menggembleng tenaga menghadapi krisis yang dialami dan memastikan rakyat mendapat bantuan dengan segera serta lancar tanpa menghiraukan latar belakang politik," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Tambah Kon Yeow, merujuk kepada empat ADUN yang telah menyertai Perikatan Nasional (PN), Kerajaan Negeri pada awal tahun telah menyediakan peruntukan pembangunan P16 berjumlah RM400,000 setiap seorang bagi Ahli MMK (Exco) dan RM300,000 setiap seorang ADUN.

"Mengikut rekod, YB ADUN Seberang Jaya telah membelanjakan sebanyak 55 peratus daripada peruntukan tersebut; YB ADUN Sungai Acheh sebanyak 95 peratus; YB ADUN Bertam sebanyak 94 peratus dan YB ADUN Teluk Bahang sebanyak 38 peratus setakat pertengahan tahun ini.

"Walaupun peruntukan beberapa ADUN ini telah hampir habis dibelanjakan, namun, bagi memastikan kebajikan penduduk di KADUN terlibat tidak terjejas, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM150,000 kepada ADUN Angkat untuk diuruskan," ulasnya.

PENANG LAWAN COVID-19

## Belanjawan defisit demi bela kebajikan rakyat hadapi krisis COVID-19

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memilih untuk membentangkan belanjawan defisit bagi tahun 2021 demi membela kebajikan rakyat ketika menghadapi krisis pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peningkatan defisit belanjawan 2021 berjumlah RM403.80 juta adalah disumbangkan oleh jumlah pemberian dan kenaan tetap sebanyak RM532 juta.

"Jika diamati, sekiranya jumlah besar ini tidak diperuntukkan dalam Belanjawan 2021, maka kita mampu membentangkan belanjawan lebihan.

"Justeru, di sini Kerajaan Negeri telah membuktikan komitmen melindungi kebajikan rakyat untuk berdepan dengan keadaan ekonomi mencabar ketika ini," katanya semasa sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 19 Oktober lalu.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan juga ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin mengenai komitmen Kerajaan Negeri untuk mengurangkan defisit Kerajaan Negeri.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri membentangkan belanjawan defisit setiap tahun namun berupaya mendapatkan lebihan kecuali pada tahun 2018.

"Walaupun Kerajaan Negeri mempunyai pilihan untuk membentangkan belanjawan lebihan pada 2021, tetapi kita (Kerajaan Negeri) tidak berhasrat untuk berbuat demikian dengan mengkrompomi janji-janji yang telah dibuat kepada rakyat di negeri ini.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang membentangkan belanjawan sebanyak RM909.82 juta untuk perbelanjaan mengurus manakala RM294,106,207 bagi projek pembangunan pada tahun 2021.

Dengan jumlah anggaran hasil yang dikumpul sebanyak RM506.02 juta, ia menjadikan Belanjawan 2021 mencatatkan defisit sebanyak RM403.30 juta iaitu lebih tinggi berbanding dengan unjuran defisit tahun 2020 berjumlah RM273.5 juta.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14

# Projek pembesaran PIA dan operasi feri, Kerajaan Negeri diminta tetap bertegas

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Persekutuan diharap dapat memberi jaminan bahawa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan operasi perkhidmatan feri akan diteruskan pada masa hadapan demi memastikan kedua-dua mod perkhidmatan pengangkutan tersebut terus mampan.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari menegaskan perkara itu ketika menjawab Soalan Lisan pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-14 di sini 13 Oktober lalu.

Menurut Zairil, status projek naik taraf PIA daripada 6.5 mppa *(million passengers per annum)* kepada 12 mppa penumpang telah memperoleh kelulusan pelan Kebenaran Merancang serta kelulusan pelan bangunan daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Walau bagaimanapun, tambah beliau, buat masa ini, kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan ekoran laporan daripada Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) pada 25 September 2020 menyatakan bahawa pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan pematuhan terhadap kelulusan yang telah diperoleh daripada pelbagai agensi berkaitan.

"Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk menangguhkan semua projek naik taraf lapangan terbang di Malaysia bagi melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang dijangka siap pada tahun 2023.

"Setakat ini, perincian mengenai laporan ini masih belum dimaklumkan kepada pihak kita (Kerajaan Negeri), dan hakikatnya PIA mesti dinaik taraf jua memandangkan ia akan mencecah kapasiti sembilan juta penumpang pada masa akan datang," ujarnya ketika menjawab soalan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng.

Sebelum itu, Guan Eng dalam Soalan Lisannya ingin mengetahui status terkini projek pembesaran PIA dengan kos RM800 juta dan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang dikhabarkan akan diberhentikan pada tahun hadapan selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu bahawa melalui perbincangan antara Kerajaan Negeri dan pihak MOT pada 27 Ogos 2020, difahamkan bahawa pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) akan memulakan proses pengambilalihan semula pengurusan perkhidmatan feri daripada Rapid Ferry Sdn. Bhd. (Rapid Ferry).

"Namun, Kerajaan Negeri telah memohon pihak MOT untuk mengemukakan pelan perancangan keseluruhan bagi kerja-kerja naik taraf serta pengoperasian feri-feri baharu kepada kita (Kerajaan Negeri) terlebih dahulu, memandangkan feri merupakan perkhidmatan ikonik dan mod pengangkutan awam yang penting kepada seluruh rakyat negeri ini sejak tahun 1894.

"Lanjutan itu, MOT melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) akan mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri setelah model perniagaan perkhidmatan feri yang akan disediakan pihak PPSB mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan," jelasnya sambil memaklumkan bahawa sepucuk surat susulan yang diutus Y.A.B. Ketua Menteri bertarikh 8 September 2020 kepada pihak MOT belum menerima sebarang maklum balas rasmi sehingga kini.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam reaksi balasnya meminta agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetap bertegas untuk memastikan kedua-dua mod perkhidmatan pengangkutan tersebut diteruskan pada masa hadapan.

# Khaira Ummah 2030 disemarakkan, peruntukan pembangunan Islam ditingkatkan

**GEORGE TOWN -** Peruntukan pembangunan untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP) bagi tahun belanjawan 2021 ditingkatkan menjadi RM18.61 juta demi menyemarak lagi Khaira Ummah 2030 (KU2030) iaitu agenda pembangunan jangka panjang umat Islam Pulau Pinang sehingga tahun 2030.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu perkara itu semasa menyampaikan ucapan penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang pada 16 Oktober 2020.

"Ia memperlihatkan peningkatan sebanyak RM7.52 juta atau 67.8 peratus iaitu berbanding jumlah peruntukan berjumlah RM11.09 juta pada tahun ini," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor yang juga Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz.

Di samping itu, Ahmad Zakiyuddin memberitahu Dewan bahawa bagi tahun 2021, sejumlah RM64.16 juta telah diperuntukkan bagi tujuan baik pulih, penyelenggaraan dan kelengkapan institusi keagamaan di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menjelaskan bahawa menerusi KU2030, satu bengkel pelan kerja telah dianjurkan pada 21 September lepas, serta berjaya menghimpunkan lebih 100 perwakilan dan para pemegang taruh daripada jabatan kerajaan, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Selain daripada jabatan atau agensi berkaitan Hal Ehwal Agama Islam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam dan orang perseorangan, pemegang taruh yang hadir ke bengkel tersebut adalah terdiri daripada wakil jabatan dan agensi Kerajaan Negeri serta Persekutuan lain seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Pendidikan dan MARA," ulasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

# Komited hidupkan semula sukan tradisional

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk mempromosikan sukan-sukan tradisional pelbagai kaum dan etnik yang semakin dilupakan oleh masyarakat dalam era digital kini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa inisiatif tersebut akan dilaksanakan melalui penganjuran program Sukan Untuk Semua atau *Sports For All*.

Menurut beliau, antara sukan tradisional yang akan dipromosi termasuk sepak raga tuju, layang-layang, petanque, kabaddi dan sebagainya.

"Semua sukan ini akan dipromosikan melalui program atau festival khas yang akan dianjurkan dari semasa ke semasa.

"Bagi penganjuran Pesta Layang-Layang pula, kita merancang untuk adakan pada bulan Disember 2020 bertempat di Stadium Negeri Pulau Pinang dekat Batu Kawan.

"Bagaimanapun, penganjuran festival ini adalah masih tertakluk kepada keadaan dan situasi semasa pandemik COVID-19," katanya pada sesi perbahasan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini pada 15 Oktober lalu.

Dalam isu berkaitan, Lip Chee menjelaskan bahawa Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah mewujudkan Program Pendidikan, Kerjaya dan Kebajikan Atlet Pulau Pinang (PECA) sebagai usaha melahirkan atlet prestasi tinggi.

"Program ini juga adalah sebahagian daripada pendidikan tinggi serta dapat membina laluan kerjaya kepada atlet.

"Justeru, bagi merealisasikan program ini, MSNPP mewujudkan tabung amanah sukan yang akan menjadi sumber utama untuk membantu atlet dalam bidang pendidikan, kerjaya dan kebajikan.

"Sebanyak RM200,000 diperuntukan oleh MSNPP bagi menggerakkan program ini," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan Pelan Induk Sukan Pulau Pinang untuk menggalakkan rakyat di negeri ini bergiat dalam bidang sukan.

"Pelan ini akan merangkumi tiga inisiatif iaitu pembangunan atlet, pembangunan kemudahan atau fasiliti sukan serta pembangunan sukan massa atau sukan komuniti," ulasnya.

# *Gurney Wharf* dijangka siap pertengahan 2023

**PADANG KOTA –** Projek taman ikonik atas laut yang dikenali sebagai *'Gurney Wharf'* dijangka siap pada pertengahan tahun 2023.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kini Kerajaan Negeri dalam proses penilaian dan pelantikan konsultan.

"Secara keseluruhannya, seramai tujuh konsultan telah dipertimbangkan untuk dilantik yang terdiri daripada arkitek (termasuk pengurus projek); arkitek landskap; jurutera awam dan struktur; jurutera mekanikal dan elektrik; jurukur bahan; jurutera marin pantai dan tambakan serta konsultan alam sekitar (termasuk auditor alam sekitar).

"Pelantikan konsultan-konsultan berkaitan telah dilaksanakan pada awal Oktober 2020, dan seterusnya dokumen tender sedang disediakan bagi tujuan pelantikan kontraktor berkaitan," ujarnya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Lee Chun Kit mengenai rancangan penuh Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan projek *Gurney Wharf* pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14 di sini 16 Oktober lalu.

Menerusi pelaksanaan projek tersebut, Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan kawasan hijau dan lapang bagi tujuan rekreasi serta riadah untuk dinikmati oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang.

Sebagai tambahan, Jagdeep sebelum itu memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri pada awalnya telah mengenal pasti kerja-kerja landskap dan pengindahan taman rekreasi bagi projek *Gurney Wharf*.

"Ianya merangkumi penyediaan kawasan *promenade* untuk pejalan kaki, kawasan permainan taman *skate*, kiosk, tandas awam, kedai serbaneka dan menara pemandangan.

"Kemudahan lain adalah seperti kawasan permainan kanak-kanak, penyediaan sistem perparitan dan saliran, penyediaan *wetlands*, penyediaan *foothpath on grade*, penyediaan tempat letak kereta terbuka, penyediaan tangga dan laluan *ramp* orang kurang upaya (OKU), *turfing* sementara di *Gurney Paired Road* dan tandas awam.

"Serentak itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju berhubung penyediaan komponen tambahan seperti kemudahan gerai makanan dan minuman, kedai serbaneka serta perkhidmatan teksi air.

"Walau bagaimanapun, susulan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri akan meneliti semula keperluan setiap komponen projek berkenaan melalui satu Jawatankuasa Pelaksanaan Projek," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.

# PSR penting sebagai pemangkin ekonomi negeri

**GEORGE TOWN –** Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari menegaskan bahawa bekalan air di negeri Pulau Pinang masih lagi mencukupi untuk menampung keperluan rakyat.

Beliau berkata, pembekalan air bagi tahun 2018 dan 2019 masing-masing adalah sebanyak 391.5 juta meter padu dan 398.8 juta meter padu manakala permintaan air bagi kedua-dua tahun berkenaan adalah masing-masing 306.5 juta meter padu serta 307.5 juta meter padu.

"Bagi tahun ini pula, pembekalan air yang disalurkan kepada penduduk di Pulau Pinang sehingga Ogos lalu adalah sebanyak 270.3 juta meter padu air iaitu melebihi kadar permintaan iaitu 209.7 juta meter padu.

"Setakat ini, pembekalan air adalah melebihi permintaan. Oleh itu, pembekalan air masih mencukupi untuk keperluan rakyat di negeri ini," jelasnya ketika menjawab Soalan Lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Mohd. Yusni Mat Piah pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 14 Oktober lalu.

Mengulas mengenai keperluan Kerajaan Negeri meneruskan Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR), Zairil memberitahu bahawa pelaksanaan projek tersebut adalah penting sebagai pemangkin ekonomi negeri pada masa akan datang.

"Projek PSR adalah penting sepertimana Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas yang dibangunkan pada tahun 70-an bersama-sama dengan Bayan Baru.

"Tanpa Bayan Lepas, sudah tentu Pulau Pinang tidak akan mencapai kejayaan pada hari ini sebagai antara negeri paling maju, berdaya saing dan berdaya huni di negara ini.

"Maka dengan semangat yang sama, projek PSR telah digagaskan oleh Kerajaan Negeri," ulasnya lagi.

Sementara itu, semasa menjawab soalan tambahan Ketua Pembangkang, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor, Zairil berkata bahawa Kerajaan Negeri mengutamakan keselamatan air bagi memastikan bekalan air yang berterusan di negeri ini.

"Lebih daripada 80 peratus air mentah di negeri ini adalah berasal dari Sungai Muda yang mana sungai ini hanya berupaya memenuhi keperluan air mentah bagi Pulau Pinang sehingga tahun 2025.

"Pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWS) pula belum dilaksanakan dan perbincangan masih mencapai jalan buntu dan keadaan ini memerlukan kita mencari sumber air baru.

"Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah memulakan tiga rancangan kontigensi untuk mengurangkan risiko bekalan air mentah di negeri ini," katanya.

Difahamkan bahawa ketiga-tiga rancangan kontigensi tersebut berada di bawah Inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050) pihak perbadanan tersebut.

Zairil memberitahu bahawa rancangan pertama adalah pembinaan modul rawatan air 114 juta liter sehari (MLD) baharu di Loji Rawatan Air Sungai Dua.

"Rancangan kedua adalah Skim Bekalan Air Sungai Perai (SPWSS) yang akan memanfaatkan Sungai Perai sebagai sumber air mentah.

"Selain itu, PBAPP juga mempertimbangkan Penyahgaraman Bekalan Air Pulau Pinang (PDWSS) yang berpotensi menghasilkan 250 MLD sehari.

"Malah, PBAPP telah melantik juru perunding kejuruteraan bebas bagi melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Projek PWSI 2050," tambah Zairil.

## Sistem nyah garam air laut Pulau Aman jangka siap 2021

**GEORGE TOWN –** Sistem penyahgaraman air laut dengan menggunakan teknologi *'membrane'* dekat Pulau Aman dijangka siap pada tahun 2021.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata demikian ketika menjawab Soalan Lisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik dekat Dewan Sri Pinang di sini pada 15 Oktober 2020.

"Hasil kajian mendapati bahawa air laut boleh dinyahgaram dengan menggunakan teknologi *'membrane'*, namun demikian kerja-kerja penambahbaikan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan operasi sistem tersebut.

"Sistem (penyahgaraman) di Pulau Aman itu dijangka siap pada tahun depan," jelasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Di samping itu, Zairil memberitahu bahawa kapasiti efektif semasa air di Empangan Teluk Bahang adalah 27.5 peratus dan Empangan Air Itam (46 peratus) dan Empangan Mengkuang (90.5 peratus).

Selain itu, beliau memberitahu bahawa purata pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua sejak 1 Januari 2020 adalah 963.2 juta liter sehari (MLD).

Dalam perkembangan berkaitan, Zairil turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menerima penyerahan Empangan Mengkuang daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam satu majlis yang akan diadakan pada 26 Oktober 2020.

"Empangan Teluk Bahang ini merupakan kawasan tadahan air semula jadi, kenapa kapasiti efektif begitu rendah, saya boleh bercakap bahawa salah satu sebabnya adalah taburan hujan yang begitu rendah dan perubahan iklim.

"Berbeza dengan Empangan Mengkuang, ia 'empangan strategik' yang dibina sebagai tempat simpan air, air dari sungai dipam (masuk) ke dalam empangan tersebut," ulasnya menjawab soalan tambahan Choon Aik.

## Industri kreatif lokal mampu jana pendapatan rakyat

**GEORGE TOWN –** Langkah mewujudkan Ekonomi Kreatif sebagai portfolio baharu Exco Kerajaan Negeri diharap dapat merangsangkan lagi pendapatan isi rumah rakyat berkaitan industri warisan, seni dan budaya di Pulau Pinang.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata demikian ketika sesi penggulungannya di Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 pada 16 Oktober 2020.

"Industri kreatif kini menjadi industri yang berkembang pesat di peringkat dunia, dengan pendapatan tahunan sebanyak USD2,250,000 dan telah mencapai lebih USD250 bilion bagi nilai eksport.

"Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pasukan Kerja Ekonomi Kreatif Pulau Pinang," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Menurut Soon Hin, dalam proposal berjudul *'Re-shaping Cultural Policies'* yang diterbitkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 2018, antara lain melaporkan bahawa industri ekonomi kreatif telah menyumbang 10 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di peringkat dunia.

Selain itu, tambah beliau, industri ekonomi kreatif juga telah mencipta 30 juta peluang pekerjaan baharu di seluruh dunia.

Justeru, Soon Hin berharap perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Daerah Seni Pulau Pinang (PAD) mampu menjana perkembangan industri seni serta budaya lokal.

Serentak itu, beliau turut memberi respons terhadap perbahasan yang dibangkitkan oleh ADUN Permatang Berangan, Nur Hafizah Othman mengenai cadangan membangunkan sektor pelancongan desa seperti mewujudkan *river cruise* di Sungai Lebuh Banting.

"Saya berharap supaya penduduk tempatan bakal dapat merasai hasil pembangunan sektor pelancongan dan sektor ekonomi kreatif ekoran penganjuran program-program pelancongan yang diadakan di Pulau Pinang," ulasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Soon Hin turut menyatakan komitmen untuk mempromosikan lagi kawasan pelancongan desa sedia ada seperti Pasar Bisik Kuala Muda, Jeti Permatang Bendahari, Empangan Sungai Muda, Jambatan Merdeka, Pantai Kamloon dan jambatan keretapi Pinang Tunggal.

## Pembasmian kemiskinan turut fokus peluang pekerjaan baharu

**GEORGE TOWN –** Program pembasmian kemiskinan di negeri ini tidak hanya tertumpu kepada sumbangan kewangan semata-mata, sebaliknya fokus turut diberikan terhadap usaha mewujudkan peluang pekerjaan.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai inisiatif yang menumpukan kepada peningkatan pendapatan melalui kemahiran insaniah untuk golongan sasar keluar daripada kekangan kemiskinan.

"Melalui Program Pembangunan Modal Insan, keluarga miskin digalakkan unutk menyertai kursus-kursus pembangunan kemahiran tertentu, contohnya seperti masakan atau jahitan yang boleh digunakan sebagai asas dalam menjana pendapatan.

"Program seperti *'2 Years Exit Programme'* (2YEP) membabitkan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan langkah produktif dalam menyediakan peserta program ke arah hidup yang lebih berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

"Program-program kemahiran insaniah ini sekaligus mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta-peserta program," ujarnya sebagai menjawab persoalan diajukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua yang juga Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor berhubung pemberian bantuan kepada rakyat di sini baru-baru ini.

Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu dalam pada itu menyatakan keyakinannya bahawa Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2021 dengan tema 'Transformasi Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baharu Terbilang' akan memberikan nafas baharu dalam merancakkan kembali ekonomi negeri.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa bagi merancakkan ekonomi, Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lalu sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan dan peniaga kecil di Pulau Pinang.

Tambah Boon Poh, inisiatif itu dilaksanakan melalui penyediaan peralatan mahupun bantuan kewangan melalui tiga program iaitu Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi, Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan Tabung Usahawan Tani (TUT).

"Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan yang mana bantuan peralatan akan disediakan kepada mereka untuk mengembangkan lagi perniagaan sedia ada.

"Manakala, SPH dan TUT merupakan penyediaan saluran modal tambahan yang mudah serta tidak membebankan peminjam iaitu SPH menumpukan kepada bidang keusahawanan manakala TUT kepada penternak, petani serta nelayan dalam industri asas tani," ulasnya.

Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14

# Proaktif atasi lambakan import plastik kitar semula

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertindak secara proaktif dalam mengatasi lambakan import plastik kitar semula yang kini menjadi isu di peringkat nasional.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata bahawa meskipun isu melibatkan plastik kitar semula diurus tadbir oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), namun Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak hanya berpeluk tubuh.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri sedar bahawa kawalan di pelabuhan sahaja adalah tidak memadai untuk mengekang import plastik kitar semula ke Pulau Pinang.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengusulkan beberapa pertimbangan kepada pihak KPKT antaranya agar (Kerajaan Negeri) diberi peluang untuk memberikan ulasan bagi setiap permohonan AP HS Kod 39.15 yang dibawa masuk melalui Pulau Pinang sebelum kelulusan akhir AP diberikan oleh KPKT kepada pengimport/pengilang serta beberapa usul tambahan lain, namun ia masih belum mendapat sebarang maklum balas berhubungnya.

"Walau bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri) akan pastikan perkara-perkara yang telah diusulkan tersebut dapat dilaksanakan di peringkat negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT)," ujar beliau ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021 pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 baru-baru ini.

Mengikut rekod, bagi tempoh 1 Ogos 2019 sehingga 31 Ogos 2020, jumlah plastik yang diimport melalui Pelabuhan *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) P14 adalah sebanyak 153,441.26 tan metrik melibatkan 22 kilang yang mempunyai permit import sisa plastik H.S.Kod 39.15.

Difahamkan, daripada jumlah tersebut, 13 kilang adalah dari Pulau Pinang dengan jumlah import plastik berjumlah 96,136.93 tan metrik dan selebihnya (9) kilang luar dari Pulau Pinang (58,304.33 tan metrik).

Justeru, Boon Poh memaklumkan bahawa tindakan proaktif bersama KPKT dan KASA adalah penting untuk memastikan sisa plastik import yang tidak mematuhi piawaian ditetapkan dihantar pulang ke negara asal mengikut *Basel Convention*.

"Manakala, kilang-kilang plastik yang beroperasi di Pulau Pinang perlu mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," tambah beliau.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu bahawa sehingga kini pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyelaraskan tindakan menghantar balik 116 unit kontena sisa plastik yang tidak mematuhi syarat.

"Terbaharu, terdapat 129 kontena yang ditahan di NBCT hasil operasi bersepadu melibatkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan JAS, ia akan diserahkan kepada JAS bagi tujuan penghantaran pulang ke negara asal," tegasnya.

## CAT Pulau Pinang ganda usaha atasi pengangguran

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata bahawa Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (CAT) memainkan peranan penting dalam membantu mereka yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi berkata bahawa setelah menerima permintaan daripada majikan dan syarikat berkaitan, Pusat CAT akan melakukan proses pemadanan pekerjaan untuk pencari kerja.

"Setelah mendapat maklumat daripada syarikat yang bakal ditutup, CAT Pulau Pinang akan melakukan proses pemadanan secara berkumpulan untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang sesuai di syarikat yang perluaskan operasi.

"Pencari kerja juga boleh memohon pekerjaan yang ditawarkan oleh para majikan di laman sesawang Pusat CAT (*https://www.penangcatcentre.my/*) tanpa sebarang bayaran.

"Pusat CAT Pulau Pinang juga bekerjasama dengan Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial) untuk membantu pencari kerja melalui program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan sebagainya.

"Selain itu, Pusat CAT juga telah bekerjasama dengan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi program JomKerja dan JomNiaga di bawah Rancangan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 16 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Ramasamy berkata bahawa Pusat CAT bersedia meningkatkan perkhidmatan supaya dapat berfungsi sebagai saluran pemadanan pekerjaan utama untuk pekerja dan juga majikan di negeri ini.

"Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Sektor Pasaran Tenaga Kerja di bawah Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) telah mengenal pasti cara pemerkasaan peranan Pusat CAT bagi menangani cabaran yang dihadapi di pasaran tenaga kerja Pulau Pinang ketika ini.

"Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan agar semua syarikat yang beroperasi di Pulau Pinang perlu memuat naik tawaran pekerjaan di portal Pusat CAT Pulau Pinang untuk membantu mengurangkan pengangguran.

"Malah, Kerajaan Negeri juga mengesyorkan kepada syarikat-syarikat di Pulau Pinang supaya mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan pekerjaan mereka dalam sistem Pusat CAT untuk membolehkan pemadanan pekerjaan dilakukan," tambahnya.

Terdahulu, Ramasamy memberitahu bahawa seramai 5,443 individu hilang kerja di negeri ini akibat penularan COVID-19 manakala kadar pengangguran pula lebih rendah berbanding negeri lain apabila berada pada tahap 4.5 hingga lima peratus.

## Jadikan Pulau Betong hab pertanian dan ekopelancongan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang wajar mempertimbangkan untuk menjadikan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong sebagai hab pertanian dan ekopelancongan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) nya, Mohd. Tuah Ismail berkata bahawa langkah tersebut mampu meningkatkan peluang pekerjaan selain dapat menjana ekonomi penduduk setempat.

"Selain pemandangan bukit-bukau dan pantai-pantai yang cantik, keindahan flora serta udara yang nyaman menjadikan Balik Pulau khasnya Pulau Betong sebagai kawasan ekopelancongan bukan sahaja di peringkat negeri malah Asia.

"Selain itu, kawasan kuala Pulau Betong ke Kem Pasir Panjang yang turut menjadi tumpuan pelancong serta umum adalah sesuai dibangunkan sebagai pusat riadah oleh Kerajaan Negeri," katanya ketika sesi perbahasan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 15 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Mohd. Tuah menyatakan bahawa penganjuran Festival Balik Pulau (BPF) sebelum ini berjaya menarik hampir 10,000 pengunjung sekaligus meningkatkan aktiviti pelancongan di kawasan berkaitan.

"Justeru, saya syorkan supaya BPF dimasukkan dalam kalender pelancongan negeri termasuk mengembangkan seni jalanan dengan lukisan aktiviti tempatan serta lukisan kontena," ujarnya.

Serentak itu, beliau turut menyarankan supaya Kerajaan Negeri membangunkan Pulau Betong sebagai hab pertanian dalam usaha meningkatkan industri ladang ternakan tanaman.

"Teknologi agro moden seperti projek tanaman fertigasi, penggunaan dron, tanaman hidroponik dan lain-lain bimbingan adalah amat diperlukan untuk menambah pendapatan golongan petani.

"Selain itu, pertanian bandar juga mendapat permintaan tinggi dalam kalangan petani serta penduduk setempat.

"Oleh itu, perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan 100 hab komuniti pertanian bandar adalah disambut baik kerana projek ini boleh membantu menjana ekonomi dan pendapatan penduduk," jelasnya.

## Masalah perairan Pulau Aman dan Sungai Udang perlu diberi perhatian

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang diseru agar memberi perhatian terhadap ancaman yang berlaku dekat perairan Pulau Aman dan Sungai Udang kerana telah menjejaskan aktiviti penternakan ikan dalam sangkar di kawasan berkaitan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik membangkitkan perkara itu semasa sesi perbahasan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini 13 Oktober lalu.

Menurut beliau, perkara tersebut perlu diberikan perhatian serius memandangkan sektor akuakultur menjadi antara penyumbang terbesar kepada sektor pertanian negeri ini iaitu sebanyak 30.3 peratus.

"Sejak kebelakangan ini, aktiviti ternakan ikan dalam sangkar di perairan Pulau Aman dan Sungai Udang menghadapi isu pencemaran air, masalah kekurangan oksigen, ancaman ribut serta gejala kecurian.

"Sehubungan itu, Kerajaan Negeri diharap dapat mengambil perhatian terhadap isu-isu berkenaan dan tindakan menyeluruh perlu dilakukan untuk menangani masalah-masalah ini," ujarnya.

Selain itu, kata Choon Aik, aktiviti penternakan ikan dalam sangkar di kawasan berkenaan juga berdepan masalah ketiadaan bekalan elektrik dan air bersih.

"Justeru, adakah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bersedia untuk mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha bagi tujuan menemui mekanisme yang terbaik untuk menyalurkan bekalan air bersih?" soalnya lagi.

# FAP kini dikenali sebagai Penang FC

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) kini dikenali sebagai *Penang Football Club* (Penang FC) setelah persatuan tersebut selesai proses penswastaan.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa nama baru itu akan digunakan dalam saingan Liga Super musim hadapan.

Menurut beliau, peralihan daripada Persatuan Bola Sepak (FA) ke Kelab Bola Sepak (FC) adalah atas kehendak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mengikut ketetapan wajib oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

"FAP sebelum ini telahpun menerima surat daripada FAM berhubung perkara ini dan atas inisiatif Presiden iaitu Dr. Amar Pritpal serta Setiausaha Kehormat, Dastagir (Mohd. Yassin) maka proses penswastaan kini telah selesai.

"(Dan) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga telah bersetuju dan menerima dokumen pendaftaran nama baru pada September baru-baru ini," ujarnya ketika menjawab soalan tambahan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong semasa persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang pada 15 Oktober 2020.

Terdahulu, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal menjawab satu lagi soalan tambahan daripada ADUN Batu Uban, A. Kumaresan berhubung peruntukan tambahan kepada FAP atas kejayaan Liga Perdana musim ini.

"Kerajaan Negeri masih menunggu kelulusan peruntukan melalui Bajet 2021 dan perkara ini (peruntukan tambahan) akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco akan datang," responsnya.

Sebelum itu, Lip Chee memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8 juta bagi tahun 2020 kepada FAP.

"FAP juga telah menerima tajaan daripada pihak swasta berjumlah RM500,000.

"(Dan) secara puratanya, kos pengurusan FAP untuk sebulan bersertakan gaji serta elaun adalah berjumlah RM719,500," jelasnya.

Menyentuh mengenai strategi jangka pendek, Lip Chee memaklumkan bahawa FAP akan mempergiat latihan dan perlawanan persahabatan di samping menyiapkan pemain dari segi kecergasan serta taktik bagi menghadapi saingan di Liga Super seterusnya menjadi juara liga pada musim hadapan.

"FAP ingin mendapatkan kembali keyakinan rakyat terhadap pasukan bola sepak Pulau Pinang dan seterusnya menjadikan sukan bola sepak sebagai pilihan utama.

"Mengenai strategi jangka panjang pastinya untuk memantapkan barisan pemain bagi pasukan Liga Premier, Piala Presiden dan Piala Belia.

"Dalam masa sama, FAP akan bekerjasama dengan akademi-akademi bola sepak di Pulau Pinang bagi mencungkil bakat-bakat baru untuk beraksi pada masa hadapan," katanya.

## Peralatan dan jentera moden tingkat hasil pengeluaran pertanian

**GEORGE TOWN** – Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri dengan menyumbang sebanyak RM2.1 bilion atau 2.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pulau Pinang pada tahun 2019.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa sektor pertanian merupakan salah satu sumber yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri, di samping jaminan keselamatan makanan buat rakyat.

Menurut beliau, bagi meningkatkan jumlah pengeluaran hasil pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) mengambil pendekatan yang lebih radikal dengan menggalakkan penggunaan alatan serta jentera moden selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Dalam menangani keperluan tenaga buruh yang tinggi, pihak jabatan akan meningkatkan penggunaan jentera dan pengamalan *Internet of Thing* (IoT).

"Contohnya dalam penggunaan *drone*, sebanyak 25 buah peralatan berkaitan akan digunakan di seluruh negeri Pulau Pinang dengan melibatkan 13 pembekal perkhidmatan yang mana aplikasi IoT yang digunakan adalah lebih memudahkan para pengusaha untuk melakukan pemantauan dan tindakan dalam mengurus bidang industri masing-masing tanpa perlu hadir ke ladang sekaligus membantu Kerajaan Negeri dalam menangani isu keperluan tenaga buruh asing," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14 di sini baru-baru ini.

Difahamkan, pihak JPNPP juga akan melaksanakan beberapa program pembangunan melibatkan industri tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa dan lain-lain tanaman ekonomi.

Mengulas lanjut mengenai isu keselamatan bekalan makanan atau *food security*, Norlela yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti berharap agar jalinan kerjasama antara jabatan serta penyediaan insentif pertanian akan meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran sekaligus memastikan bekalan makanan negeri berada dalam keadaan selamat.

"Bagi meningkatkan kualiti hasil pengeluaran makanan yang selamat dimakan pula, pihak JPNPP berusaha memberi penerangan serta bimbingan pengembangan pertanian melalui pembangunan modal kepada usahawan tani dalam meningkatkan kualiti yang mana amalan pertanian baik (APB) perlu diberi perhatian utama dalam keselamatan makanan yang dihasilkan.

"Selaras itu, pada tahun ini juga JPNPP menyasarkan pencapaian ladang yang dipersijil dengan Pensijilan MyGAP dan MyOrganic membabitkan 114 ladang," tambahnya.

## Garis panduan pendaftaran taska, tadika dan pusat jagaan dirangka

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri telah merangka Garis Panduan Pendaftaran Taska, Tadika dan Pusat Jagaan sebagai panduan bagi membolehkan para pengusaha memperoleh perakuan pendaftaran secara sah.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memaklumkan perkara tersebut pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Ke-14 baru-baru ini sebagai menjawab persoalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang yang menggesa pelaksanaan garis panduan tersebut dipercepatkan.

Menurut Jagdeep, berdasarkan semakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, terdapat 887 taska, tadika dan pusat jagaan yang beroperasi di negeri ini.

Walau bagaimanapun, jelas beliau, sebanyak 32 peratus atau 281 buah daripada pusat-pusat tersebut masih tidak mempunyai perakuan pendaftaran secara sah.

"Difahamkan bahawa pengusaha-pengusaha ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perakuan pendaftaran ekoran karenah birokrasi.

"Rentetan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan merangka satu garis panduan untuk rujukan pengusaha bagi mendapatkan perakuan tersebut.

"Ia adalah pemudahcara kepada pengusaha bagi mendapatkan maklumat mengenai kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi untuk menjalankan operasi secara sah sebagaimana ditetapkan oleh JKM, Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) serta pihak berkuasa tempatan (PBT)," ujarnya sambil memaklumkan bahawa garis panduan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada Oktober 2020 untuk dipertimbangkan.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan untuk memberikan beberapa pengecualian kepada para pengusaha, dan cadangan tersebut melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM7,733,600 kepada kedua-dua PBT negeri.

"Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu pengusaha taska, tadika serta pusat jagaan bagi mendapatkan perakuan pendaftaran dan menjalankan perniagaan secara sah kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh berkompromi apabila melibatkan isu keselamatan golongan terlibat seperti kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan wanita," ulas beliau yang juga ADUN Datuk Keramat.

## Jurang gender peringkat pembuat keputusan masih ketara

**GEORGE TOWN** – Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng mengatakan bahawa jurang gender di peringkat pembuat keputusan masih lagi ketara di negeri ini.

Beliau berkata, adalah penting untuk Kerajaan Negeri meningkatkan perwakilan wanita di peringkat kepimpinan bagi memastikan suatu dasar menyeluruh dapat digubal demi manfaat semua pihak.

"Jurang gender masih dapat dilihat di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mana hanya ada enam Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita untuk membawa suara rakyat bagi perkara yang membawa kepetingan kepada kumpulan ini.

"Contohnya, pada sidang DUN kali ini hanya dua ADUN wanita yang membangkitkan keperluan para ibu seperti penyediaan bilik laksai, parkir khas ibu mengandung dan sebagainya yang mana isu seperti ini tidak ditimbulkan oleh ADUN lelaki.

"Ini menunjukkan bahawa setiap kelompok berlainan mempunyai keperluan yang berbeza," katanya dalam sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di sini baru-baru ini.

Justeru, kata Chong Eng, Kerajaan Negeri telah menyediakan kerangka yang jelas bagi memastikan keseimbangan kedua-dua golongan lelaki serta wanita di tahap pembuat keputusan.

"Pengalaman nisbah 40:40:20 iaitu 40 peratus wanita, 40 peratus lelaki dan 20 peratus terbuka untuk wanita dan lelaki mengurangkan dominasi satu golongan serta meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan," ujarnya.

# Siap sedia hadapi pertambahan populasi warga emas


PHEE Boon Poh.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**POPULASI** warga emas di negara ini dijangka meningkat sehingga 15 peratus menjelang 2030 berikutan penyediaan kemudahan kesihatan yang semakin maju dan berpatutan sekaligus memanjangkan jangka hayat hidup seseorang berbanding 50 tahun dahulu.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** menyatakan bahawa kerajaan seharusnya memandang serius pertambahan populasi warga emas dan perlu bersiap sedia dalam menyediakan kemudahan yang bersesuaian untuk golongan berkenaan pada masa hadapan.

"Dalam situasi di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah membangkitkan perkara ini sejak 2010 dan banyak perbincangan telah diadakan sebelum ini.

"(Dan) sememangnya menjadi hasrat saya sejak dahulu untuk mewujudkan perkampungan persaraan *(retirement village)* bagi memastikan warga emas Pulau Pinang yang bersara mendapat pembelaan sewajarnya bersandarkan kepada keadaan kos sara hidup semasa.

"(Inisiatif ini) bukan sesuatu yang baharu, banyak negara lain di dunia yang telah mewujudkan perkampungan persaraan ini, contohnya di New Zealand, Amerika Syarikat dan United Kingdom," ujarnya yang menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membangunkan projek perintis perkampungan persaraan di Balik Pulau dengan kos RM180 juta hasil usahasama dua firma swasta.

Selain komponen pembangunan ala rumah peranginan, Boon Poh turut berharap agar komponen-komponen lain seperti kemudahan kesihatan, taman rekreasi, kolam renang serta infrastruktur mesra warga emas dapat dibangunkan di bawah projek berkenaan.

"Mungkin pada masa hadapan, kita (Kerajaan Negeri) boleh mewujudkan suatu polisi dengan syarikat-syarikat insurans misalnya membeli unit kediaman di perkampungan persaraan semasa yang masih dalam perkhidmatan atau lain-lain polisi wajar," cadangnya.

Bercakap mengenai penyenaraian Pulau Pinang pada kedudukan tempat kedua di dunia sebagai 'tempat paling baik untuk bersara' oleh majalah antarabangsa, Boon Poh yakin pengiktirafan berkaitan akan menjadikan negeri ini sebagai tumpuan bukan sahaja di Asia Tenggara malah seluruh dunia.

"Misalnya melalui Program *'Malaysia My Second Home'* (MM2H), dijangka lebih ramai veteran akan memilih Pulau Pinang sebagai lokasi persaraan.

"Jadi bagaimana pihak kerajaan akan bertindak dalam memastikan kesejahteraan hidup warga emas ini khasnya rakyat kita (warganegara) dengan mengenal pasti keutamaan penyusunan hidup masa tua kelak.

"(Dan) bagi pihak Kerajaan Negeri, kita akan menyokong dasar berkaitan termasuk profesional penjagaan kesihatan sebagai sokongan sosial kepada golongan ini sama ada di pusat jagaan mahupun di rumah.

"Bukan itu sahaja, daripada segi perancangan kewangan hari tua juga perlu diberi perhatian yang mana Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan keperluan rakyat terlebih dahulu dan perkara ini akan dibincangkan dengan kementerian berkaitan," katanya.

Menyentuh terhadap aspek kebajikan pula, Boon Poh berkongsi situasi semasa yang melanda negara kini.

"Ramai dalam kalangan rakyat di negara ini yang kehilangan kerja sejak penularan COVID-19, ditambah pula dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

"Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap nasib rakyat, perlu adanya satu dasar kukuh yang dapat membantu rakyat dalam waktu sukar ini.

"Meskipun Kerajaan Persekutuan pada Jun lalu telah menyemak semula Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM2,208 berbanding RM980 yang diguna pakai sejak 2005, namun data diperoleh (daripada Jabatan Perangkaan Malaysia) menunjukkan bahawa mereka yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah bertambah.

"Pada peringkat Persekutuan juga, terdapat usul agar bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disalurkan kepada mereka yang layak supaya dinaikkan kepada RM1,000 berbanding kini antara RM200 ke RM300.

"Walau bagaimanapun sehingga hari ini tiada satu pun garis panduan dikeluarkan oleh pihak berwajib berhubung mekanisme pengagihan mahupun implikasi kewangan, justeru adalah perlu ada perbincangan lanjut sekiranya usul ini diterima," jelasnya yang berharap agar sisi politik dapat diketepikan demi kebajikan rakyat keseluruhannya.

Berbicara lanjut, beliau menyambut baik penjenamaan semula portfolio Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Pulau Pinang.

"Apabila adanya penjenamaan semula ini, beban kerja yang dibawa adalah sama, namun ini tidak bermakna kita mesti berkerja dalam budaya kerja silo (berdasarkan portfolio masing-masing) sebaliknya (kita bekerja) dalam satu pasukan untuk mencapai kejayaan.

"Atau dalam erti kata lain, tanggungjawab tetap sama cuma apabila wujudnya kekurangan, kita akan sama-sama bantu mengatasinya bagi memastikan segalanya lancar," katanya yang sebelum ini merupakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

# Pemetaan realisasi visi belia dan sukan negeri

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang berhasrat memaksimumkan penggunaan semua fasiliti sukan di seluruh negeri melalui pemetaan semula atau *mapping* perkara-perkara berkaitan.

Exco Belia dan Sukan, **SOON LIP CHEE** berkata bahawa pemetaan semula itu adalah meliputi semua fasiliti milik Kerajaan Negeri, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang serta pihak-pihak berkepentingan lain.

"Melalui proses pemetaan semula yang sedang berjalan, kita boleh ketahui apa dan berapa kemudahan sukan keseluruhan yang terdapat di negeri ini.

"Di sesetengah kawasan mungkin ada gelanggang sepak takraw yang sudah lama tidak digunakan dan apabila kita adakan lawatan, penduduk beritahu bahawa kemudahan itu sudah lama rosak.

"Oleh itu, mereka memohon mendapatkan gelanggang sepak takraw baru dan dari situ mungkin tindakan sewajarnya boleh diambil asalkan kemudahan itu digunakan.

"Untuk itu, kita juga boleh tubuhkan Perbadanan Sukan Pulau Pinang dalam menambah baik pengurusan fasiliti serta kemudahan sukan di negeri ini," ujarnya dalam satu temu bual bersama-sama Buletin Mutiara mengenai misi dan visi beliau dalam membangunkan aspek belia dan sukan di negeri ini.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa adalah penting untuk Kerajaan Negeri mempunyai Pelan Induk Sukan Pulau Pinang dalam usaha membangunkan kemudahan-kemudahan tersebut.

"Rancangan ini terbahagi kepada pelan pembangunan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.

"Pembangunan ini bukan boleh dilakukan dalam 'satu malam' sebaliknya akan memakan masa dan tahun, sekurang-kurangnya menerusi pendekatan ini, apabila sampai tahun 2030, kita dilihat cukup dengan kemudahan yang baik," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Menyentuh mengenai Sukan Malaysia (SUKMA) 2021 di Johor, Lip Chee berharap agar acara tersebut akan dapat diteruskan di sebalik situasi COVID-19 yang masih melanda negara.

"SUKMA dijangka berlangsung pada April 2021, melalui mesyuarat yang diadakan baru-baru ini, saya menyuarakan hasrat mengenai kekecewaan atlet yang sudah berlatih selama dua tahun.

"Tiada penonton itu tidak mengapa, yang penting adalah atlet kita sudah bersemangat untuk bertanding, maka penganjuran SUKMA diharap dapat diteruskan dalam keadaan normal baharu serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," ulasnya.

Menjawab mengenai pembangunan belia di Pulau Pinang, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengadakan kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan *Young Men's Christian Association* (YMCA) dalam memartabatkan agenda pembangunan golongan berkenaan.

"Jalinan kerjasama tersebut adalah bertujuan menjana pendapatan belia secara sampingan mahupun sepenuh masa.

"Saya bagi contoh pembangunan belia di Penaga (luar bandar), pertama sekali kita kena tahu apa yang mereka mahu, mereka tidak mahu keluar dari Penaga kerana perlu menjaga ibu ayah yang kurang sihat.

"Dari situ, mereka pilih untuk berkecimpung dalam bidang masakan, dan kita bekerjasama dengan persatuan cef untuk ajar belia di situ memasak, dari situ mereka boleh menggunakan media sosial untuk buat jualan bagi menjana pendapatan," katanya.

Dalam menyemarakkan penyertaan belia dalam kerja-kerja sosial dan komuniti, Lip Chee mencadangkan agar setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) memperuntukkan dua daripada 15 ahli jawatankuasa (AJK) adalah terdiri daripada belia.

"Bukan banyak pun, cuma dua orang sahaja, itu pun bukan pengerusi atau setiausaha, cuma AJK biasa sahaja, namun ada pula yang cakap saya nak belakangkan orang-orang lama.

"Kalau kita nak diberi mandat dan rancang kemajuan, kita perlu tahu suara belia, bukan pinggirkan mereka, belia perlu tahu apa kita (Kerajaan Negeri) mampu tawarkan kepada mereka, bukan paksa mereka ikut semata-mata," tegasnya.


SOON Lip Chee.

# Tanggungjawab lebih besar, pastikan PTMP berjalan lancar

**MENGGALAS** tanggungjawab sebagai Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, **ZAIRIL KHIR JOHARI** sedar bahawa tanggungjawab lebih besar menanti selepas penstrukturan semula portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan baru-baru ini.

Apatah lagi, portfolio pengangkutan yang dahulunya di bawah tanggungjawab Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kini beralih tangan kepada beliau.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** sempat menemu bual Zairil yang hadir ke persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 di Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Menurut Zairil, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang atau PTMP merupakan agenda utama Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Kebanyakan isu adalah tertumpu kepada PTMP, dan isu-isu berkaitan pengangkutan adalah isu terbesar bagi rakyat Pulau Pinang.

"Tetapi dari segi skop kerja, ia (pengangkutan) berkait dengan infrastruktur jalan, kereta api dan juga berkait dengan portfolio lama iaitu kerja raya, jadi tidak menjadi masalah sangat.

"Walau bagaimanapun, fokus saya tetap kepada pelaksanaan PTMP yang merangkumi Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR), projek LRT (Transit Aliran Ringan) dan pembinaan lebuhraya-lebuhraya sebagaimana dirancang," ujarnya.



ZAIRIL Khir Johari.

Selain memfokuskan terhadap projek-projek mega yang dirancang, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga turut memberi tumpuan terhadap penambahbaikan jaringan serta sistem pengangkutan awam.

"Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk meneroka medium pengangkutan air baru selain feri. Misalnya teksi air yang boleh dijadikan sebagai salah satu pilihan kepada rakyat," katanya.

## Status PTMP

Sehingga kini, ramai yang masih bertanyakan mengenai status projek PTMP.

"Sebenarnya ada beberapa komponen dalam PTMP yang telah kita mulakan antaranya Pakej 2 iaitu pembinaan lebuhraya dari Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"PSR pula, segala kelulusan telah diperoleh berserta syarat-syarat seperti Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA).

"(Dan) kini dalam proses *financial architecture* yang mana selepasnya akan disusuli dengan lantikan kontraktor bagi memulakan kerja-kerja tambakan.

"Begitu juga LRT yang sedang menunggu kelulusan akhir daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)," ulasnya.

## Tangguh kerja kerana pandemik

Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan bagi melanjutkan tempoh EIA bagi projek PSR yang dijangka tamat pada Jun 2021.

"Waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hari itu memang tidak dapat bekerja jadi ada kelewatan sikit, atas dasar itu Kerajaan Negeri minta untuk ditangguhkan, namun belum ada respons secara rasmi lagi.

"Tetapi dalam pertemuan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), bersama-sama Ketua Menteri, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan akan mempertimbangkan perkara tersebut.

"Walau bagaimanapun, sekiranya tidak mendapat kelulusan pun, Kerajaan Negeri akan tetap memulakan projek PSR sebelum EIA tamat dan itu menjadi keutamaan," ulasnya.

## Cabaran

Zairil akui cabaran yang menanti beliau apabila memikul tanggungjawab sebagai Exco Pengangkutan memandangkan portfolio tersebut sering menjadi 'topik hangat'.

"Portfolio ini kerap kali dibangkitkan oleh ADUN semasa persidangan Dewan Undangan Negeri, begitu juga pihak-pihak lain seperti badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Semua orang memang minat dengan isu PTMP khususnya, bukan sahaja rakyat Pulau Pinang bahkan rakyat Malaysia.

"Justeru saya perlu pastikan ia berjalan lancar sepertimana yang dirancang," tegas beliau.

# MPKK Simpang Empat juara peringkat Daerah Barat Daya

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BAYAN LEPAS -** Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Empat dipilih sebagai juara Anugerah MPKK 2020 Peringkat Daerah Barat Daya di sini.

Malah, MPKK Bukit Gedung dan MPKK Gertak Sanggul masing-masing di kedudukan kedua serta ketiga, dalam saingan hebat melibatkan kesemua 59 jawatankuasa peringkat lokal bagi daerah berkenaan.

Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa paling penting adalah MPKK menjadi jambatan yang menghubungkan rakyat dalam pelbagai peringkat dengan pucuk pimpinan negeri.

Justeru, beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti mengingatkan tiap-tiap anggota MPKK yang dilantik supaya meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah menjana sokongan komuniti rakyat terhadap Kerajaan Negeri pada hari ini.

"MPKK adalah platform untuk merapatkan jurang antara pentadbiran Kerajaan Negeri dan masyarakat.

"Oleh itu, penting bagi MPKK untuk menjalankan peranan mereka dengan cara yang betul," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal dalam majlis yang dilangsungkan pada 1 Oktober 2020.

Turut serta, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga ADUN Batu Maung; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri.

Pengerusi MPKK Simpang Empat, Mohd. Majdan Nut Jamudin yang ditemui kemudian menzahirkan penghargaan atas pengiktirafan Kerajaan Negeri hari ini.

"Ini adalah usaha berpasukan dan adalah penting bagi kita untuk menilai kepentingan kerjasama antara anggota di peringkat MPKK.

"Disiplin, bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam satu pasukan adalah elemen penting untuk berjaya.

"Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan saya untuk kerja berpasukan yang baik selama ini," ulasnya kepada wartawan Buletin Mutiara.

Manakala, Pengerusi MPKK Bukit Gedung, Mohd. Zaini Ahmad pula menganggap anugerah yang diterima sebagai kejayaan kerjasama secara berpasukan antara anggota MPKK serta komuniti lokal.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan MPKK saya kerana berusaha memberi yang terbaik dalam tugas mereka.

"Pengiktirafan ini diberi berdasarkan setiap profil pentadbiran MPKK dan penglibatan masyarakat dalam program yang diatur," jelasnya.

Nada gembira turut dizahirkan oleh Pengerusi MPKK Gertak Sanggul, Leong Kein Cheong.

Menurut beliau, pengiktirafan Kerajaan Negeri dalam bentuk pemberian anugerah tersebut akan membakar semangat anggota-anggota MPKK untuk terus menumpahkan khidmat bakti kepada komuniti di tempat masing-masing



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama pasukan MPKK Simpang Empat pada Majlis Anugerah MPKK 2020 Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Difahamkan, pemenang anugerah membawa pulang RM3,000, sementara naib juara dan tempat ketiga masing-masing mendapat RM2,000 dan RM1,000.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Ramli Omar | (T) 012 - 487 3070 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 011 - 1119 4419 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Rohayah Zakaria | 019 - 404 9221 |
| Siti Shahanis Md. Sharif | 010 - 369 5641 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamoorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | U. Jagatisan | Seberang Perai Selatan | | 010 - 563 2279 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2020

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Andrew Chua Thian Chai | 016 - 485 0031 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz | 019 - 470 0357 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11647
Peminjam : MUHAMMAD ASHRAF BIN KASSIM - 92010607****
16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KASSIM BIN ABDUL RAHMAN - 62052571****
16-08-03 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMARULZAMAN BIN KADER MYDIN - 73111407****
16-12-3A SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11651
Peminjam : NORKARTINI BINTI AZIZAN - 92120502****
BLOK 05-19-09 SRI IVORI, JALAN LENGKOK ANGSANA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORKAMSAINI BINTI AZIZAN - 82053002****
BLOK 05-19-09 SRI IVORY, JALAN LENGKOK ANGSANA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZALEHA BINTI ZAINOL - 59061402****
BLOK 05-19-09 SRI IVORY, JALAN LENGKOK ANGSANA 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11654
Peminjam : NORDAWAMI BIN SHAFIE - 87022307****
910, TAMAN ROBINA, TELUK AYER TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : DANIZAM BIN SHAFIE - 79071002****
NO.910 TAMAN ROBINA, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHD NOOR FITRI BIN ABDULLAH - 80073007****
A6-3-10 JALAN TUNA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11659
Peminjam : SUKANYA A/P BASKARAN - 93080507****
1-M, JALAN TUN MOHD SALLEH ISMAIL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMARAPATHY A/P ANGUSAMY - 68032407****
1-M JALAN TUN MOHAMMED SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BHAVAANI DEIVI A/P BASKARAN - 89030207****
1-M JLN TUN MOHD SALLEH ISMAEL, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11666
Peminjam : RIDZUAN BIN RAZIME - 91040807****
6030 PERMATANG TOK GELAM 13100 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAT ROSLI BIN MAT ISA - 75062202****
KAMPUNG PAYA TERENDAM 08210 SIK, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD AZHAR BIN ZAM HASHARI - 76100614****
LOT 2988 KPG PAYA JARAS TENGAH, SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR

No Akaun : 11668
Peminjam : HENG CHOON HOW - 80041508****
90-8-3 LORONG SEREMBAN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHIAM PEI SHAN - 81021007****
NO. 42 LORONG TEMBAGA 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YAP KWAI PING - 75111214****
NO. 26 GAT LEBUH ACHEH 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 11672
Peminjam : AMIRUL HAFIZY BIN ZAINOL - 88110907****
528 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHAIRUL NAZMI BIN ZAINOL - 85031907****
NO.528 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RASHID BIN OMAR - 74110607****
NO.81 MUKIM D, JALAN BHARU 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11679
Peminjam : PUTERI NURNABILA BINTI MEGAT HARON - 91020707****
170-I JALAN KAMPUNG MELAYU, AIR ITAM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MEGAT HARON BIN MEGAT HASSIM - 66011007****
170-I JALAN KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM - 74051307****
2A-20-07 LINTANG HAJJAH REHMAH, MUTIARA HEIGHTS 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11683
Peminjam : NOOR HUSNA BINTI MOHD SHAFIE - 91062507****
LOT 481 PLOT 1 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN MOHD SHAFIE - 80121812****
NO.4352 JALAN PERMATANG BULUH, SIMPANG EMPAT 13210 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ABDUL SAMAD BIN ARSHAD - 79073107****
158 JALAN SUTERA IDAMAN 3, TAMAN SUTERA IDAMAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11686
Peminjam : MASZUIN BINTI MD HATTA - 81050807****
5-3-12 PANGSAPURI JELUTONG INDAH, LENGKOK HAJI AHMAD, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD SAHRUL BIN MOHD SAH - 79103001****
NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MASZLIN BINTI MD HATTA - 80052107****
NO. 21-A JALAN BUKIT DUMBAR 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11687
Peminjam : KHAIRULHISHAM BIN SHAMSUDDIN - 80101807****
21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : HARTINI BINTI MOHD RADZI - 79050107****
NO.14 LORONG MACHANG BUBUK 4, TAMAN MACHANG BUBUK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : JASMIN SYUHADA BINTI SHAMSUDDIN - 85060807****
NO.21 TINGKAT SIAKAP SEBELAS, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11692
Peminjam : HAIZATUL IZUANA BINTI YAACOB - 88050607****
403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : HAIZATUL IZAWATY BINTI YAACOB - 80041102****
NO.403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SYAMSUL HASRIN BIN MOHD HARITH - 77032308****
1-7-23A LORONG AZIZ IBRAHIM, NIBONG INDAH, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11694
Peminjam : MOHD AZLAN BIN MOHD YUSOFF - 85040107****
NO.1 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : JEMILAH BINTI MAT - 58090707****
NO.1 SOLOK NIPAH TIGA, TAMAN HAJI MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : YUSOFF BIN MAT - 64050307****
TS 3674 PENANTI GATE, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11701
Peminjam : NORAINI BT MOHAMAD NOR - 92010902****
NO. 39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD SYUKRY BIN MOHAMAD NOR - 85062507****
NO.39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NORHAFIZAH BINTI MOHAMAD NOR - 80111307****
A-12-5 RIANA GREEN EAST CONDO, JALAN WANGSA DELIMA 7, 53300 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11713
Peminjam : MOHAMAD ZAINI BIN KHALIB - 86071835****
TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LILIANA BINTI KHALIB - 90042307****
TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : HAMIDAH BINTI ABD KADIR - 61041108****
TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11714
Peminjam : AZMIZAM BIN AZMI - 93092607****
1359 JALAN SEMARAK 36, FASA 6, TAMAN PANCHOR JAYA 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : AZMI BIN WANCHIK - RF/91***
6 LORONG ALMA JAYA 23, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : JALAL BIN SABUDIN - RF/87***
B5-1-42 KUARTERS POLIS, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11721
Peminjam : MUHAMMAD SYAZWAN BIN OMAR - 92060808****
1199 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : OMAR BIN SHAHUDIN - 68031107****
NO.1199 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : AHMAD ASWAD BIN ABRAHIM - 76010607****
BLOK S1-16 TAMAN PELANGI 13600 PERAI

No Akaun : 11722
Peminjam : SITI KHAIRUNNISAK BINTI ABDULLAH - 85040502****
G-08-A PANGSAPURI DESA SRI JAYA, JALAN KELISA EMAS 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : NOOR RAFHATI ADYANI BINTI ABDULLAH - 78031302****
NO. 4 JALAN ELEKTRON U16/52A, DENAI ALAM, SEKSYEN U16, 40160 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 2 : NOR SYAFAWATI OSNAMILA BINTI ABDULLAH - 82101102****
16 JALAN 18/62, BANDAR MENJALARA, KEPONG 52200 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11725
Peminjam : ANA MARDHIAH BINTI JOHARI - 89092607****
SB 7085 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : JAMIL BIN JUSOH - 72060107****
NO. 21 LORONG PENAGA PERMAI 9, TAMAN PENAGA PERMAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : KAMARUDIN BIN SAID - 61112407****
NO.822 PAYA KELADI MASJID 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11729
Peminjam : SANJAY DEVA A/L THEVENDRAN - 91052807****
31, LORONG AIR TERJUN 10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : JEGATHEESAN A/L PAUL@BALAKRISHNAN - 62110207****
NO.8 PINTASAN BAHAGIA 9, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAKESH DEVA THEVAR A/L V THEVENDRAN - 82070407****
NO.31 LORONG AIR TERJUN 10350 PULAU PINANG

No Akaun : 11743
Peminjam : KAVINA A/P KALAIMANI - 89072014****
NO. 14 JALAN BUNGA MELATI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TUNESHKUMAR A/L KOLINDAIVELY - 79092507****
NO. 14 JALAN KEMAMAN, OFF JALAN KAMPAR 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHOBA A/P MAHALINGAM - 84010907****
NO. 9 JALAN CONCORD 9, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

No Akaun : 11744
Peminjam : EASWARI A/P RADAHAKRISHNAN - 92101507****
5-2-20 OCEAN VIEW, JALAN SUNGAI PINANG SATU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHOBA A/P SANDARAKASAN - 71020301****
88-13-5 VISTA GAMBIER CONDOMINIUM, CHANGKAT BUKIT GAMBIER 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : VATHSALA A/P KAMARASAMY - 72042207****
NO.39 LORONG INDAH SATU, BROWN GARDEN 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11747
Peminjam : AIDY SYAZREEF BIN JOHAN - 88042507****
43 LORONG 41, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : JOHAN BIN YAACOB - 61071407****
NO.43 LORONG 41, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SALMIAH BINTI CHE LAH - 58050607****
NO.49 JALAN 2, TAMAN GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG

No Akaun : 11750
Peminjam : JASMAWI BIN SAHIDEEN - 75022107****
NO.1408 JALAN SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : RAZALI BIN MOHD MUSTAFA - 65032202****
BATU 10 1/2, KAMPUNG TERAP 09800 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : KHAIRUDIN BIN ZAINOL - 75020402****
UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA, KAMPUS KEJURUTERAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11753
Peminjam : MOHAMED YUSRI BIN SEHAT - 86022735****
2929 MUKIM 16, KAMPUNG TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : YASIRAH BINTI SEHAT - 81010907****
NO.2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : AHMAD NUAIM BIN GHAZALI - 60083007****
NO.53 JALAN TASEK 22, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR

No Akaun : 11755
Peminjam : NUR AISYAH BINTI BAHARUDDIN - 87050302****
59 PERSIARAN SEMBILANG, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : MUHAMMAD YASSER BIN BAHARUDDIN - 82112102****
59 PERSIARAN SEMBILANG, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUHAMAD AKMAL ALSAAD BIN MALEK AL SAAD - 87121708****
NO. 3 TINGKAT TUNA 2, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11756
Peminjam : SYED MUZTAQIM ALI BIN SYED MAZHAR ALI - 92010907****
RB-7-9 PERSIARAN BAYAN 3, TAMAN TUNAS MUDA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SYED MAZHAR ALI BIN SYED AZAM ALI - 61041207****
RB-7-9 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYED AL IMRAN BIN SYED MANSOR ALI - 85012107****
NO.36-U JALAN 200, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11764
Peminjam : GANESWAREN JSU A/L JAGANATHAN - 93051307****
NO.15 HILIR NIBONG DUA, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : PUVANESWARAN JSU A/L JAGANATHAN - 84090502****
NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : PRABAKKARAN JSU A/L JAGANATHAN - 85092307****
NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 11765
Peminjam : MUHAMMAD AFIQ FARHAN BIN AZIZ - 92011707****
10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AZIZ BIN AHMAD - 60091909****
NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : AZIZAH BINTI OSMAN - 65033004****
NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11768
Peminjam : YUGERAJ A/L KARUMALAI - 93070207****
7-2-10 LINTANG PANTAI JERJAK, TAMAN BATU UBAN 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAHENDRA KUMAR A/L A POKKARU - 58082171****
C-4-2 KIP JALAN MOUNT ERSKINE 10470 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MANGALA NATHAN A/L KALIAMEE - 71112807****
BLOK F-2-7 LORONG HELANG 3, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11769
Peminjam : ANBARASAN A/L KUPPAN - 91022107****
5 LORONG BIDARA 3, TAMAN PRESTIGE V, PERMATANG DAMAR LAUT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOGESWARI A/P KUPPAN - 86072935****
NO.232 JALAN BARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MINAH A/P RAMCHAMDRAN - 64030407****
2-4-9 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11773
Peminjam : RASAATHEII A/P PERUNJOTHI - 89042007****
1-1-19 PERSIARAN BAYAN INDAH 3, DESA PUTRA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GANESAN A/L SUPRAMANIAM - 69042007****
NO.523 LORONG SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KATHIRESAN A/L THEVARAJAN - 86102235****
1-1-19 DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11774
Peminjam : SHALINI A/P JAYABALAN - 93011407****
NO. 177 LORONG KANGKONG 4/2B, TAMAN KANGKONG, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 1 : SANJIVI A/L JAYABALAN - 86082535****
NO.15B KAMPUNG PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : VIJAYAN A/L KHRISHNAN - 84011507****
NO.3 JALAN BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11780
Peminjam : RUBEN FRANCIS A/L FRANCIS DASS - 93052007****
97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : RAVI A/L RETNAM - (MENINGGAL DUNIA)
NO.1355 JALAN BUKIT PANCHUR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : PATRICIA SHAMANI A/P SOOSAINATHAN - 84110107****
NO.14 GERBANG KURAU, CHAI LENG PARK 13700 PERAI

No Akaun : 11788
Peminjam : THANESHWARAN A/L RAMADASS - 87021907****
39 JALAN INTAN 1/6, TAMAN PUCHONG INTAN 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : SUSILA A/P PERUMAL - 71071602****
2-12-19 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : VENGADASALAM A/L PERUMAL - 74020902****
1150D-6-10 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR,BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11790
Peminjam : HANNA FARHANA BINTI ZAM ZAIMI - 92082207****
757 B KAMPONG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ZAM ZAINI BIN ABDULLAH - 63110308****
NO.757B KAMPUNG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SHAHRIZUL BIN ISMAIL - 80081407****
NO.35 LORONG PENAGA 14, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11795
Peminjam : REHANA BT MOHAMED SHAH JAHAN - 87052235****
4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 FARLIM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED SHAH JAHAN BIN NAGOOR MEERAH - 58121807****
4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD RAYEES BIN MOHAMED SHAH JAHAN - 91030407****
4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11805
Peminjam : HAZWANI BINTI ABDUL MUNIR - 87031007****
NO. 45 JALAN PALMA 1/3, TAMAN PALMA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : MUHAMMAD SUFFIAN BIN ABDUL MUNIR - 81010903****
G4-0-2 DESA PANDAN APARTMENT 55100 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : MUHAMMAD IKHLAS BIN MAT SIN - 78092310****
NO.16 TINGKAT PASIR BELANDA 9, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11814
Peminjam : SITI MUSLEHA BINTI MUSA - 86062635****
SEKOLAH KEBANGSAAN JAWI, JALAN BESAR JAWI, TAMAN JAWI JAYA 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : NOOR AZIZAN BIN ZAKARIA - 85032702****
NO.45 LORONG JAWI INDAH 4, TAMAN JAWI INDAH 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : FADLINA BINTI RAMLI - 82072707****
NO.2833 SUNGAI TOK TUNTONG 14310 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11831
Peminjam : MOHAMMAD FARIZUL AZRI BIN MOHAMMAD FISOL - 92092207****
NO.597 LORONG 5/11 , TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : MOHAMMAD FISOL BIN ABDUL MALEK - 66060102****
NO.597 LORONG 5/11, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : NORLIYA BINTI MOKHTAR - 72082008****
NO.820 LORONG KENANGAN 2/13, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 11836
Peminjam : NUR HAZWANI BINTI MOHD ANI - 87121235****
NO. 5 PERSIARAN SEKSYEN 6/13, TAMAN PUTERA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD YUSOF BIN MOHD ANI - 84120602****
11 (PTD 4726) JALAN NUSARIA 1/4, TAMAN NUSANTARA, NUSAJAYA 81550 JOHOR
Penjamin 2 : AB KARIM BIN HJ ISMAIL - 62012502****
NO.17 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11840
Peminjam : J.THANGESWARAN A/L JAYABALAN - 80060607****
NO.12A LORONG MACHANG BUBUK 39, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOGANAMBAL A/P K ANNAMALAI - 61033007****
6B-01-02 JALAN SEMARAK API, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOGILAVANI A/P PARASORAMAN - 84090908****
NO.52 LORONG MACHANG BUBUK 38, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11848
Peminjam : ABDUL LATIFF BIN MOHD RADZI - 93070707****
678 MUKIM 5, BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NURHIDAYAH BINTI MOHD RADZI - 84101907****
B-17-15 PLATINUM LAKE CONDOMINIUM, NO.9 JALAN DANAU SAUJANA 1, DANAU KOTA 53000 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NURFAEZAH BINTI MOHD RADZI - 86051735****
NO.55 JALAN SP 8/9, BANDAR SAUJANA PUTRA 42610 JENJAROM, SELANGOR

No Akaun : 11849
Peminjam : NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 93010407****
4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105****
4-5-4 LEBUH NIPAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607****
NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11854
Peminjam : MOHAMAD AIMAN BIN IDRIS - 92051707****
1-G-1 LEBUH NIPAH 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NORJALILAH BINTI NOOR - 62040607****
7-G-4 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BATU MAUNG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIZOL BIN IDRIS - 84093007****
1-G-1 LEBUH NIPAH 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11862
Peminjam : RAIHAN SUHAILA BT SHAHIMI - 90011014****
1150E-15-11,SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHAHIMI BIN ALI - 60052207****
1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507****
255-A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG

No Akaun : 11863
Peminjam : MOHAMAD KAMIL BIN RAHAMATTULAH - 93091607****
NO. 2350, LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAHAMATTULAH BIN ALLA PITCHAY - 62022507****
NO.2350 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORULAMIN BIN ABDUL RAHMAN - 76102607****
2137 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11867
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL HALIM - 89080635****
116 U TELEKOM QRTS, JALAN SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD BIN HASSAN - 63041107****
3-07-15 ARA GREENS, HALAMAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAZNAH BINTI PAWANCHIK - 59120107****
NO.259 JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11869
Peminjam : MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAHIMI - 92121514****
1150E-15-11 SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD AMINUDDIN BIN SHAHIMI - 85123007****
1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907****

No Akaun : 11871
Peminjam : THARCHYANEE A/P MANIAM - 84100307****
NO. 6E JALAN GUNARATANA 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KATHIRAVELU A/L SEENIVASEN - 68111207****
152-I TINGKAT LEMBAH RIA 1, MK 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMALADEVI A/P GOVINDAN - 59051807****
NO.94 JALAN AYER ITAM 10460 PULAU PINANG


QUEENS RESIDENCES

KONDOMINIUM

HAK MILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

di Queensbay, Pulau Pinang

Kondominium
950 - 1,650 kaki persegi
Jumlah Unit : 500
Harga dari RM643, 900 (Min)
sehingga RM1,614, 900 (Max)

Komersial
758 - 3,602 kaki persegi
Jumlah Unit : 54
Harga dari RM379, 000 (Min)
sehingga RM3,241, 800 (Max)



PELAN LOKASI




Sebarang pertanyaan, hubungi kami di 04-6456 888

IDEAL CREATING LEGACY 超越时尚 • 缔造典范

Pemaju: Ideal Gim Venture Sdn Bhd (1023204-D); Pejabat Jualan: 71, The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang; No. Telefon: 604-6456 888; No. Faks: 604-6457 888; No. Lesen Pemaju: 19262-1/12-2021/01353(L); Tempoh Sah Lesen: 7-1-2020 - 6-1-2021; No. Permit Iklan: 19262-1/12-2021/01353(P); Tempoh Sah Permit: 7-1-2020 - 6-1-2021; Pihak Berkuasa Meluluskan: Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD) & Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKK); No. Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang: JPBD/PG/P3/PB-001 & PSUKP/PP/(S)/05/0451/10 Klt.6; Pegangan: Kekal; Tarikh Projek Dijangka Siap: Disember 2021; Jumlah Unit: 500; Harga Jualan (Min) RM787,900 sehingga (Max) RM2,670,600; 5% Diskaun untuk Bumiputera

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
*Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*
*Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-6505 242 Fax : 04-2622 904*

# Penjenamaan semula PHI lebih kompetitif

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd. kini dikenali sebagai Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI).

Ketua Pegawai Eksekutif PHI, Aida Lim Abdullah berkata bahawa langkah penjenamaan tersebut adalah sebagai sebahagian daripada strategi syarikat untuk membawa industri halal dan ekonomi negeri ke tahap yang lebih tinggi.

"Nama dan jenama syarikat yang baru ini adalah untuk meningkatkan visi, misi, objektif dan tujuan syarikat.

"Logo baru yang membawa pendekatan moden dan canggih akan diwujudkan untuk meningkatkan keyakinan serta kepercayaan terhadap PHI di peringkat global.

"Kedua-dua nama dan logo juga mewakili aspirasi kami untuk menjadikan pemain industri serta perniagaan lebih inklusif dalam usaha menuju cara hidup 'Syariah, Halal dan Toyyiban'," katanya semasa pelancaran PHI yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat sini 11 September lalu.

Turut hadir, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain.

Pada peringkat makro pula, Aida Lim menyatakan bahawa tujuan utama penjenamaan semula berkenaan adalah untuk membangun dan mengembangkan industri halal serta membimbing entiti perniagaan agar lebih kompetitif di pasaran domestik dan antarabangsa.

Dalam pada itu, Kon Yeow mengucapkan terima kasih kepada PHI atas usaha serta dedikasi luar biasa dalam membimbing dan mengembangkan usahawan dengan mengadakan ceramah serta kursus sejak beberapa tahun lalu.

"Usaha PHI dapat meningkatkan pemahaman, dan pada masa sama meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka dalam industri halal.

"Adalah menjadi harapan saya supaya kita semua dapat meningkatkan momentum bagi menghidupkan kembali semangat keusahawanan dan seterusnya memacu ekonomi negeri serta negara amnya," katanya.

Tambah beliau, penjenamaan semula PIHH kepada PHI bakal membantu menarik lebih ramai pelabur dan perniagaan antarabangsa ke Pulau Pinang.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan PHI menunjukkan tanda bagus semasa merakam gambar kenang-kenangan pada Majlis Pelancaran dan Penjenamaan Semula PHI di sini baru-baru ini.**

"Kami ingin mereka (para pelabur) menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan halal dan pasaran halal," ulas Kon Yeow.

Sebagai rekod, syarikat halal ditubuhkan pada tahun 2008 bagi memudah dan mempromosikan industri halal di Pulau Pinang.

Penubuhan berkaitan menyediakan platform untuk pelbagai inisiatif yang bertujuan menyokong industri halal tempatan dan antarabangsa melalui perkongsian serantau serta global bersama-sama pihak berkepentingan.

# *'Polluter pays policy'* kawal kadar penghasilan sampah

**SEBERANG JAYA –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud melahirkan kebimbangan terhadap trend penghasilan sampah di negeri ini yang dilihat semakin meningkat.

Beliau berkata, secara keseluruhannya pada tahun 2019, kadar penghasilan sampah menunjukkan peningkatan sehingga 15 peratus berbanding lima peratus pada tahun sebelumnya.

"MBSP menyasarkan pengurangan penghasilan sampah secara per kapita sebanyak 50 peratus pada tahun 2022 iaitu daripada 1.6 kilogram (kg) kepada 0.8kg bagi seorang penduduk setiap hari.

"Bagaimanapun, jika dilihat secara keseluruhan, peningkatan penghasilan sampah sepatutnya tidak boleh melebihi lima peratus memandangkan pertambahan penduduk hanya sekitar 2.3 peratus.

"Apa yang berlaku pada tahun 2019 adalah peningkatan sebanyak 15 peratus yang didapati berpunca daripada sampah industri kerana sampah domestik menunjukkan trend mendatar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan Taman Bersih dan Kampung Bersih dekat Menara Bandaraya di sini 29 September lalu.

Dalam pada itu, Rozali menegaskan bahawa pihaknya tidak teragak-agak untuk melaksanakan *'Polluter pays policy'* iaitu mengenakan bayaran pada kadar tertentu kepada pihak-pihak industri yang mengasilkan sampah melebihi lima peratus pada tahun 2021.

"Kita telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak industri pada Ogos lalu dan berharap agar mereka mengambil serius mengenai perkara ini," tegasnya.

Terdahulu, seramai empat pemenang bagi pertandingan Taman Bersih dan Kampung Bersih menerima hadiah masing-masing yang disampaikan oleh Rozali.

Taman Orkid Permai dipilih sebagai johan bagi Kategori Taman Bersih manakala Kampung Baru Alma, Bukit Minyak pula johan bagi Kategori Kampung Bersih.

Setiap pemenang masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM1,500 berserta produk *upcycle* bernilai RM350 dan sijil.



**SR. Rozali Mohamud (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang wakil pemenang pertandingan Taman Bersih dan Kampung Bersih di sini baru-baru ini.**

**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN MEDAN SELERA DAN RUANG NIAGA TINGKAT ATAS BANGUNAN 'BUS INTERCHANGE' DAN 'OVERHEAD LINKWAY', MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA (DBD) PULAU PINANG |
| TARIKH DIBUKA | : | 15 OKTOBER 2020 (KHAMIS) |
| TARIKH DITUTUP | : | 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN) |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai **15 Oktober 2020**.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "**Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Medan Selera Dan Ruang Niaga Tingkat Atas Bangunan 'Bus Interchange' Dan 'Overhead Linkway', Mukim 12, Daerah Barat Daya (DBD) Pulau Pinang, Malaysia"**.
3. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **16 November 2020** kepada:

   **Sekretariat,**
   **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI),**
   **Tingkat 47, KOMTAR,**
   **10503 Pulau Pinang,**
   **Malaysia.**
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat CMI di talian 04-650 5709 / 04-650 5804 atau emel kepada atylia@penang.gov.my.
5. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Wanita Jana Rezeki, platform usahawan wanita kembangkan perniagaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**



CHONG Eng (kanan sekali) dan Lim Siew Khim (dua dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama para penerima pada Majlis Pengumuman Penerima Geran Wanita Jana Rezeki di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melalui Program Wanita Jana Rezeki menyampaikan geran bernilai RM1,000 masing-masing kepada 10 pengusaha wanita terpilih.

Penasihat program, Lim Siew Khim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang berkata bahawa pihaknya berharap pemberian geran tersebut dapat mengembangkan lagi perniagaan golongan berkaitan kini.

Menurut beliau, program tersebut merupakan lanjutan daripada kejayaan Projek Kuih Raya anjuran Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang diagihkan kepada anggota barisan hadapan dalam menentang pandemik COVID-19 pada Mei lepas.

"Sebelum ini, Projek Kuih Raya telah membantu 49 pengusaha pembuat kuih raya wanita menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM62,540, iaitu purata RM1,276 pada tempoh sambutan perayaan berkenaan.

"Ekoran kejayaan berkaitan, kini, PWDC kembangkan lagi program serupa membabitkan 10 pengusaha wanita dengan sumbangan geran program masing-masing bernilai RM1,000.

"Melalui geran ini, golongan berkaitan mampu mengembangkan perniagaan masing-masing menerusi pembelian keperluan produk seperti ketuhar, dapur dan sebagainya bagi menambah produktiviti sedia ada," ujarnya dalam Majlis Pengumuman Penerima Geran Wanita Jana Rezeki di sini 28 September 2020.

Hadir sama, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng dan para penerima geran.

Mengulas lanjut, Bee Leng berkata bahawa JPWK dan PWDC bakal menyokong program berkaitan daripada segi pembungkusan serta pemasaran produk yang dihasilkan.

"Usaha akan dijalankan untuk mengenal pasti pembeli-pembeli supaya pengusaha dapat mengembangkan perniagaan masing-masing dan meneruskan perniagaan yang dijalankan.

"Walaupun produk dihasilkan di rumah, pembungkusan adalah perlu unik dan menarik supaya produk-produk yang dihasilkan juga boleh dijadikan cenderahati serta menarik perhatian pembeli,'' ulasnya.

Dalam pada itu, bagi pengusaha acar ikan tenggiri, **P.A. CLAIRESSA PAULINE**, 51, beliau berterima kasih dengan sumbangan geran diterima yang membolehkannya membuat pusingan modal.

"Saya telah mulakan perniagaan ini sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac lalu.

"Dengan geran ini, adalah diharapkan ia dapat meningkatkan modal, pengeluaran termasuk hasil jualan," katanya yang mewarisi resipi produk daripada ibunya.

Pengusaha biskut, **ASNITA ABD. HAMID**, 47 yang juga seorang ibu tunggal turut menyuarakan hasrat membeli ketuhar baharu dengan tujuan untuk mengembangkan perniagaannya.

"Saya baru berniaga kira-kira setahun, biskut ini sesuai untuk buat kudapan, contohnya ketika memandu yang mana ia boleh menghilangkan rasa mengantuk.

"Dengan perolehan geran, memang saya bercadang untuk membeli ketuhar baharu, dan adalah diharapkan permintaan akan bertambah berbanding jualan purata kini yang berjumlah kira-kira 30 paket dalam tempoh sebulan," maklumnya yang menetap di Bagan Dalam, Seberang Perai Utara (SPU).

## Kajian Sisa Domestik SEA Circular Economy pupuk kesedaran pencemaran plastik

**SEBERANG JAYA –** Kampung Permatang Nibong dipilih sebagai kampung pertama di negeri Pulau Pinang bagi pelaksanaan projek perintis bagi Kajian Sisa Domestik SEA Circular Economy.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa kajian tersebut dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kesan buruk pencemaran plastik.

"Pulau Pinang dipilih sebagai salah satu daripada dua lokasi di negara ini untuk turut serta dalam mendokumentasikan kajian kes bagi membantu mengenal pasti penyelesaian berasaskan pasaran dalam mengurangkan plastik sekali guna.

"Dengan pelaksanaan kajian ini, sekaligus ia dapat memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kesan buruk pencemaran plastik terhadap persekitaran laut dengan mengubah pengurusan plastik serta mencegah kebocoran sampah.

"Selain itu, kajian ini juga dijangka dapat menggalakkan penduduk untuk memberikan komitmen dalam usaha pengasingan sampah," ucapnya pada Majlis Pelancaran Soal Selidik Sisa Domestik SEA Circular Economy Projek Perintis Kampung Permatang Nibong di sini 27 September lalu.



PHEE Boon Poh (barisan pertama, dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (barisan pertama, tiga dari kiri) memerhatikan larva yang dijadikan baja tanaman sejurus Majlis Pelancaran Soal Selidik Sisa Domestik SEA Circular Economy di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Booh Poh. Turut hadir, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod serta Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa kajian berkenaan adalah untuk menetapkan jenis-jenis serta ciri-ciri sisa domestik yang dijana termasuk keseluruhan sampah dan sisa buangan yang dipecahkan di bawah komponen kertas, sisa makanan, plastik, getah dan sebagainya.

"Melalui projek ini, penghuni rumah diperlukan untuk mengisi borang soal selidik dan diminta untuk memisahkan sisa domestik basah serta kering ke dalam beg plastik berlabel selama dua hari.

"Sisa yang dikumpul akan dibawa ke pusat dan dipecahkan lagi kepada beberapa kategori ditentukan, ditimbang serta dicat sebelum didokumentasikan berserta bukti fotografi.

"Hasil yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan alat saintifik dan penjadualan untuk menggambarkan penemuan tersebut yang mana ia bakal ini membolehkan satu perancangan dirangka bagi mengurangkan sisa domestik yang dihantar ke tapak pelupusan," ujarnya.

Dalam pada itu, Boon Poh menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan sokongan sepenuhnya terhadap sebarang usaha dalam melestarikan alam sekitar.

"Saya yakin jika kita semua memberikan kerjasama dengan mengasingkan sisa domestik, projek ini akan dapat dijayakan," katanya.

Terdahulu, program sama turut dilaksanakan di Taman Bagan Lalang dekat Sungai Puyu yang dipilih sebagai projek perintis bagi Kategori Taman atas dasar penglibatan secara aktif dalam kegiatan kitar semula dan aktiviti kehijauan.

Difahamkan, projek berkaitan adalah merupakan inisiatif *UN Environment Programme* (UNEP) dan *The Coordinating Body on the Seas of East Asia* (COBSEA) dengan kos kira-kira USD12,500.

## Dua bulan promosi bayar cukai, MBSP kutip RM56.79 juta

**SEBERANG PERAI -** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berjaya mengutip hasil cukai sebanyak RM56.79 juta sempena Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua yang dianjurkan sejak 1 Julai hingga 31 Ogos baru-baru ini.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa sejumlah 67,126 akaun telah layak menyertai acara cabutan bertuah promosi cukai taksiran penggal kedua pada kali ini.

"MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa ditetapkan," jelasnya dekat ruang media, Menara Bandaraya MBSP di sini pada 28 September 2020.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; barisan Ahli Majlis MBSP serta Ketua-ketua Jabatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Tambah Rozali, hasil kutipan cukai tersebut adalah penting untuk kelangsungan MBSP memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk lokal Seberang Perai.

Sementara itu, Ahmad Zamri Yahaya terpilih memenangi acara cabutan bertuah yang pertama, dengan membawa pulang RM7,000 tunai.

Tempat kedua adalah Tan Kian Hong (RM5,000), diikuti, tempat ketiga Phuah Min Chuan (RM3,000), tempat keempat Tan Fo Kim @ Tan Poh Khim (RM2,000) dan tempat kelima Ng Jok Su (RM1,000).

# Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kali Ke-14



MERAKAM gambar kenangan sejurus Speaker Dewan Undangan Negeri mengumumkan penangguhan persidangan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 dekat Dewan Sri Pinang pada 19 Oktober lalu.

1. SPEAKER Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang (barisan pertama, kiri sekali) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda semangat serta kesepakatan sejurus persidangan Dewan Undangan Negeri ditangguhkan pada 15 Oktober lalu.

2. TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan paling atas, kiri sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

3. *POSE* menarik barisan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada sesi persidangan DUN baru-baru ini.









4. KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meneliti intipati Belanjawan 2021 sejurus pembentangannya baru-baru ini.

5. EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo (kanan) dan ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin mengadakan perbincangan di dewan makan persidangan DUN.

6. DATUK Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) mengadakan perbincangan dengan salah seorang Exco berhubung beberapa perkara berbangkit.







EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin (kiri) dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Datuk Muhamad Yusoff Mohd. Noor membincangkan sesuatu pada sesi persidangan DUN baru-baru ini.